



AUTHORITY FOR BUILDING CONTROL AND CONSTRUCTION INDUSTRY

GARIS PANDUAN AMALAN LANGKAH PENCEGAHAN WABAK COVID-19 DI TAPAK PEMBINAAN



**AUTORITI KAWALAN BANGUNAN DAN INDUSTRI PEMBINAAN (ABCI)
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

2020

GARIS PANDUAN AMALAN LANGKAH PENCEGAHAN WABAK COVID-19 DI TAPAK PEMBINAAN

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
	Isi Kandungan	1
1.	Pendahuluan	2
2.	Pemakaian	2
3.	Objektif	2
4.	Pengetahuan Asas	3
5.	Langkah Pencegahan	4
5.1	Langkah 1 – Pemeriksaan dari Tempat Kediaman Pekerja	4
5.2	Langkah 2 – Pengangkutan Pekerja, Bahan Binaan Dan Mesin-Mesin Jentera Pembinaan	5
5.2.1	Proses Pergerakan Pekerja ke Tapak Pembinaan	5
5.2.2	Proses Pergerakan Bahan Binaan dan Mesin-Mesin Jentera Pembinaan ke Tapak Pembinaan	5
5.3	Langkah 3 – Di tapak Pembinaan	6
5.3.1	Di pintu masuk	6
5.3.2	Aktiviti kerja	7
5.3.3	Waktu rehat	9
5.3.4	Balik kerja	9
5.4	Langkah 4 – Rekod	10
6.	Ketidakpatuhan	10
	Rujukan	11

1. PENDAHULUAN

Kementerian Pembangunan melalui Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI) sentiasa mengikuti perkembangan dan mengambil serius terhadap penularan wabak COVID-19 yang berlaku di Negara Brunei Darussalam. Selaras dengan perkembangan terkini, ABCi telah menyediakan Garis Panduan Amalan Langkah Pencegahan Wabak COVID-19 Di Tapak Pembinaan bagi mengawal risiko penularan wabak COVID-19 dan memastikan persekitaran tapak pembinaan adalah selamat dan kondusif.

2. PEMAKAIAN

Garis Panduan ini hendaklah digunapakai oleh semua syarikat pembina dalam menjalankan kerja-kerja di tapak pembinaan, sebagai amalan langkah pencegahan wabak COVID-19. Garis panduan ini juga hendaklah dibaca dengan Piawai Prosedur Kerja (SOP) yang berkenaan dengan pengawalan wabak COVID-19 oleh Kementerian Kesihatan dan agensi berkaitan seperti Safety Health Environment National Authority (SHENA) dan mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa pada masa ini.

3. OBJEKTIF

- 3.1. Membantu pihak-pihak berkaitan dalam mengambil langkah pencegahan penularan di tapak pembinaan.
- 3.2. Mengurangkan risiko penularan wabak COVID-19 di tapak pembinaan.
- 3.3. Mensejajarkan tindakan awal pencegahan wabak di tapak pembinaan yang boleh diamalkan oleh pihak-pihak berkaitan.
- 3.4. Memastikan kepatuhan syarikat pembina terhadap undang-undang bertulis yang berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam, selaras dengan keadaan semasa iaitu ketika penularan wabak COVID-19.

4. PENGETAHUAN ASAS

- 4.1. Syarikat pembina hendaklah peka terhadap perkembangan terkini dan mematuhi prosedur pencegahan wabak COVID-19 yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan yang dikeluarkan dari masa ke semasa.
- 4.2. Sekiranya terdapat pekerja-pekerja yang berada di bawah pemerhatian Kementerian Kesihatan (*person under investigation & person under surveillance*), pekerja terbabit tidak dibenarkan untuk bekerja dan perlu menjalani tempoh pengasingan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.
- 4.3. Mana-mana pekerja asing yang berhasrat untuk masuk ke Negara Brunei Darussalam hendaklah mematuhi syarat-syarat dan undang-undang yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dari masa ke semasa.
- 4.4. Pekerja-pekerja yang baru pulang dari luar negara dan dalam tempoh pengasingan, tidak dibenarkan bekerja dan memasuki tapak pembinaan dalam tempoh sekurang-kurangnya empat belas (14) hari (tertakluk kepada keputusan ujian yang dijalankan) bermula dari tarikh ketibaan ke Negara Brunei Darussalam. Ini adalah untuk membolehkan mereka menjalani proses kuarantin selaras dengan arahan Kementerian Kesihatan.

5. LANGKAH PENCEGAHAN

Amalan langkah pencegahan wabak COVID-19 di tapak pembinaan adalah dirangka berdasarkan rutin harian yang akan dilaksanakan oleh syarikat pembina bermula dari tempat kediaman, tapak pembinaan dan pulang semula ke tempat kediaman.

5.1. Langkah 1 – PEMERIKSAAN DARI TEMPAT KEDIAMAN PEKERJA

- a. Syarikat pembina hendaklah melantik sekurang-kurangnya seorang orang tumpuan (*focal person*) yang mengetahui hal-hal yang berkaitan dengan wabak COVID-19 untuk berurusan dengan Kementerian Kesihatan.
- b. Orang tumpuan (*focal person*) hendaklah memastikan semua pekerja dalam keadaan sihat dan tidak menunjukkan simptom-simptom berkaitan wabak COVID-19 seperti demam, batuk, sakit tekak atau kesukaran bernafas.
- c. Setiap pekerja perlu memuat turun aplikasi **BruHealth** yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan bagi tujuan *contact tracing* dan mengetahui adanya alat pemeriksaan diri (*self-assessment tools*).
- d. Syarikat pembina perlu melakukan pemeriksaan kesihatan dengan menjalankan pemeriksaan dan merekodkan suhu badan semua pekerja pada setiap hari sebelum memasuki tapak pembinaan.
- e. Syarikat pembina perlu memastikan pekerja yang diperiksa bebas daripada simptom-simptom wabak COVID-19.
- f. Syarikat pembina juga perlu menyediakan tempat mencuci tangan yang lengkap dengan sabun pencuci tangan, cecair pencuci tangan (*hand-sanitiser*) serta penutup mulut dan hidung sebelum memasuki tapak pembinaan.
- g. Pekerja yang mempunyai suhu badan tinggi (37.5° *celcius* atau lebih) atau mempunyai simptom yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan perlu dirujuk dengan segera ke pusat pemeriksaan wabak COVID-19 RIPAS (RIPAS *Sport Centre*).
- h. Pekerja yang disyaki menghidap simptom-simptom wabak COVID-19 dan kontak rapat pekerja tersebut hendaklah diasingkan dengan seberapa segera dan tidak dibenarkan bekerja. Syarikat pembina hendaklah menyediakan bilik pengasingan bagi penempatan pekerja yang disyaki dijangkiti wabak COVID-19.

- i. Syarikat pembina hendaklah memastikan tempat kediaman pekerja samada di tapak atau lain-lain adalah selamat dan menepati *Employment Order, 2009* dan *Building Control (Temporary Buildings) Regulations, 2014*.
- j. Bagi kemajuan yang mempunyai kediaman pekerja di luar tapak pembinaan, kebersihan dan pemantauan pergerakan pekerja hendaklah dilaksanakan secara berterusan. Pergerakan keluar/masuk pekerja hendaklah dipantau dan dihadkan.

5.2. Langkah 2 – PENGANGKUTAN PEKERJA, BAHAN BINAAN DAN MESIN-MESIN JENTERA PEMBINAAN

5.2.1. Proses Pergerakan Pekerja ke Tapak Pembinaan

- a. Syarikat pembina hendaklah menyediakan kenderaan bagi pengangkutan pekerja ke tapak pembinaan. Penggunaan kenderaan awam adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- b. Pekerja yang tinggal berdekatan dengan tapak pembinaan digalakkan untuk berjalan kaki ke tapak pembinaan.
- c. Syarikat pembina hendaklah memastikan kenderaan telah menjalani proses membasmi kuman (*disinfection*) setiap kali sebelum digunakan untuk mengangkut pekerja. Proses membasmi kuman (*disinfection*) perlu dilaksanakan secara berkala dan direkod untuk tujuan pemantauan.
- d. Syarikat pembina perlu menyediakan kenderaan pengangkutan bagi pergerakan pekerja dengan menerapkan penjarakan sosial (*social distancing*).

5.2.2. Proses Pergerakan Bahan Binaan ke Tapak Pembinaan

- a. Syarikat pembina perlu memaklumkan kepada semua pembekal barangan dan perkhidmatan (*supply chain*) yang berurusan dengan mereka supaya mengamalkan langkah pencegahan wabak COVID-19 yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.
- b. Pergerakan masuk bahan binaan ke tapak pembinaan hendaklah direkodkan dengan lengkap.

- c. Pemandu kenderaan yang membawa bahan masuk juga perlu diperiksa dengan mengambil suhu badan dan menggunakan *hand sanitizer* serta penutup mulut dan hidung.

5.3. Langkah 3 – DI TAPAK PEMBINAAN

5.3.1. Di Pintu Masuk Tapak

- a. Syarikat pembina perlu memastikan papan tanda projek dipamerkan dengan jelas di pintu masuk tapak pembinaan seperti lazimnya untuk rujukan pihak berkuasa yang mengadakan pemeriksaan.
- b. Syarikat pembina hendaklah mengisytiharkan senarai lengkap pekerja yang akan berada di tapak pembinaan. Senarai tersebut perlu disediakan di tapak pembinaan untuk rujukan pihak berkuasa.
- c. Hanya pekerja yang sudah melakukan pemeriksaan boleh memasuki ke tapak pembinaan.
- d. Setiap pelawat atau pihak yang berurusan perlulah mendaftarkan diri untuk diperiksa dengan mengambil suhu badan dan tahap kesihatan mereka sebelum masuk ke tapak pembinaan. Pelawat yang mempunyai simptom wabak COVID-19 tidak dibenarkan masuk ke tapak pembinaan.
- e. Penyediaan sinki air dan sabun atau cecair pencuci tangan (*hand sanitizer*) untuk digunakan di pintu masuk bagi semua pekerja dan pihak yang berurusan dengan tapak pembinaan.
- f. Syarikat pembina adalah bertanggungjawab dalam memastikan dan membantu pihak yang diberi kuasa untuk melakukan sebarang pemeriksaan ke atas tapak pembinaan dan pekerjaanya.
- g. Penutup mulut dan hidung pakai buang (*disposable*) hendaklah diberikan kepada pekerja dan pelawat.
- h. Peti pertolongan cemas (*First Aid Kit*) hendaklah sentiasa mencukupi dan pemberi pertolongan cemas hendaklah dikemaskini dengan protokol jangkitan.

5.3.2. Aktiviti Kerja

- a. Bilangan pekerja pembinaan hendaklah dikurangkan kepada tahap paling minima dengan mengikut garis panduan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan.
- b. Syarikat pembina perlu mewujudkan satu pasukan petugas khas diketuai oleh seorang ketua yang dipertanggungjawabkan bagi menguruskan risiko penularan wabak di tapak pembinaan serta menjadi *Focal Point* antara tempat kerja tapak pembinaan dan Kementerian Kesihatan. *Focal point* perlu dilatih secukupnya atas implikasi wabak COVID-19.
- c. Syarikat pembina perlu menyediakan laluan pergerakan keluar/masuk yang terkawal (*point of entry/exit*) di tapak pembinaan untuk memantau pergerakan pekerja.
- d. Setiap pelaksanaan kerja di tapak pembinaan hendaklah dirancang dengan mengambilkira garis panduan Kementerian Kesihatan bagi perkumpulan dan penjarakan sosial.
- e. Penilaian semula risiko dengan memasukkan elemen risiko jangkitan wabak COVID-19 hendaklah dilaksanakan sebelum memulakan kerja di tapak pembinaan oleh pegawai yang bertanggungjawab.
- f. Penjarakan sosial seperti yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan iaitu tidak kurang 1.0 meter hendaklah dilaksanakan di tapak pembinaan agar pekerja tidak berada atau bekerja berdekatan antara satu sama lain dalam tempoh yang lama. Semua pekerjaan di ruang tertutup hendaklah diminimakan.
- g. Sekiranya terdapat sebarang mesyuarat, hendaklah dilaksanakan di ruang yang sesuai atau atas talian bagi mematuhi kehendak penjarakan sosial.
- h. Syarikat pembina perlu memantau semua pekerja yang bekerja di tapak pembinaan setiap masa agar tidak berkumpul dan sentiasa mengamalkan penjarakan sosial.
- i. Syarikat pembina hendaklah mewujudkan kesedaran mengenai simptom wabak COVID-19, dengan menjaga kebersihan dan kesihatan diri, mengamalkan kerap membasuh tangan dengan air dan sabun atau cecair pencuci tangan (*hand sanitizer*) dan mengikut etika batuk dan bersin yang baik kepada pekerja-pekerja pembinaan.

- j. Setiap pekerja dibekalkan alat pelindung diri (*personal protective equipment – PPE*) yang bersesuaian secukupnya mengikut keperluan serta memastikan peti pertolongan cemas dikemaskini dan pengendali pertolongan cemas hendaklah mengetahui protokol jangkitan wabak COVID-19.
- k. Penutup mulut dan hidung hendaklah sentiasa dipakai semasa bekerja.
- l. Syarikat pembina hendaklah menyediakan ruang pengasingan yang perlu digunakan jika terdapat pekerja yang mempunyai simptom jangkitan wabak COVID-19.
- m. Syarikat pembina perlu menyediakan kemudahan untuk mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau cecair pencuci tangan (*hand sanitizer*).
- n. Syarikat pembina juga dikehendaki memberi peringatan secara berterusan di tapak pembinaan seperti menyediakan poster peringatan wabak COVID-19 yang mudah difahami oleh semua pihak.
- o. Sekiranya terdapat jangkitan di tapak pembinaan, proses membasmi kuman (*disinfection*) adalah menjadi tanggungjawab syarikat pembina dan hendaklah dilaksanakan dengan segera mengikut tatacara yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.
- p. Syarikat pembina hendaklah melaporkan kepada Kementerian Kesihatan dengan segera sekiranya terdapat pekerja yang disyaki menghidapi simptom wabak COVID-19 dan seterusnya perlu mematuhi arahan dan nasihat selanjutnya daripada Kementerian Kesihatan.
- q. Tandas di tapak pembinaan hendaklah dalam keadaan sempurna dan sentiasa dibersihkan.
- r. Kebersihan tandas hendaklah diberi keutamaan dengan sentiasa menjalankan proses membasmi kuman (*disinfection*) secara berjadual.

5.3.3. Waktu Rehat

- a. Waktu rehat perlu disusun agar tidak menyebabkan kesesakan di ruang makan dengan pembahagian waktu rehat dalam kumpulan kecil.
- b. Penjarakan sosial juga perlu dipastikan pematuhannya di semua kawasan rehat dan ruang solat.
- c. Kafeteria/kantin di dalam tapak yang dibenarkan beroperasi perlulah menyediakan makanan berbungkus yang disediakan oleh pengendali makanan yang memakai topeng muka dan sarung tangan. Hidangan secara *buffet* adalah tidak dibenarkan.
- d. Pekerja perlu kerap diingatkan supaya tidak berkumpul / duduk berkumpul dan mematuhi penjarakan sosial.
- e. Kebersihan ruang makan dan ruang solat hendaklah diberi keutamaan dengan sentiasa menjalankan proses membasmi kuman (*disinfection*) secara berjadual.

5.3.4. Balik Kerja

- a. Syarikat pembina hendaklah memastikan bahawa semua pergerakan balik pekerja ke tempat kediaman mengikut garis panduan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan dan SHENA.
- b. Sebaik sahaja tiba di tempat kediaman pekerja hendaklah terus mandi menggunakan air bersih dan sabun serta membasuh pakaian yang telah digunakan.
- c. Adalah diingatkan sekiranya terdapat sebarang masalah kesihatan setelah pulang bekerja, ianya perlulah dimaklumkan dengan segera kepada orang tumpuan (*focal person*) untuk tindakan sewajarnya.

5.4. Langkah 4 – REKOD

- a. Syarikat pembina hendaklah mengurus dan menyimpan rekod pekerja berikut:-
 - i. Rekod kehadiran pekerja;
 - ii. Rekod pemeriksaan kesihatan;
 - iii. Rekod pergerakan pekerja; dan
 - iv. Rekod keterangan peribadi pekerja;

- b. Syarikat pembina juga perlu menyediakan rekod pengurusan kebersihan tapak seperti:-
 - i. Rekod proses membasmi kuman (*disinfection*) kawasan tandas;
 - ii. Rekod proses membasmi kuman (*disinfection*) ruang makan dan ruang solat; *dan*
 - iii. Rekod pembersihan kawasan tapak pembinaan.

- c. Syarikat pembina juga perlu menyediakan rekod pengurusan tapak seperti berikut:
 - i. Rekod pengurusan risiko;
 - ii. Rekod pergerakan keluar/masuk tapak oleh pelawat, pembekal barangan dan perkhidmatan; dan
 - iii. Rekod pemeriksaan Pihak Berkuasa.

- d. Semua rekod hendaklah sentiasa lengkap dan sedia untuk diperiksa oleh pihak berkuasa pada bila-bila masa jika diperlukan.

6. KETIDAKPATUHAN

Mana-mana syarikat pembina yang tidak mematuhi garis panduan Amalan Langkah Pencegahan wabak COVID-19 ini boleh diambil tindakan selaras dengan Akta Penyakit Berjangkit, 2020. Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia berhak mengambil tindakan bagi sebarang pelanggaran kepada akta berkenaan tertakluk kepada situasi semasa.

Garis Panduan Amalan Langkah Pencegahan Wabak COVID-19 Di Tapak Pembinaan ini boleh dibuat pindaan pada bila-bila masa mengikut keperluan.

Rujukan:

- 1- Garis Panduan Amalan Langkah Pencegahan Covid-19 Di Tapak Bina (Dokumen 2), 2020, Kementerian Kerja Raya / Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB);
- 2- Senarai Semak Penilaian Tempat Kerja Berikutan Penularan COVID-19, SHENA;
- 3- *Self Assessment Checklist: Construction*, SHENA;
- 4- Siaran akhbar / kenyataan media, Kementerian Kesihatan berikutan situasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam;
- 5- *Employment Order*, 2009 – Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; dan
- 6- *Building Control (Temporary Buildings) Regulations*, 2014, Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan, Kementerian Pembangunan.